



Hubungan Gaya Keibubapaan dan Kecerdasan Emosi: Kajian Tinjauan Literatur Sistemik (SLR) (*Systematic Literature Review (SLR): Relationship Of Parenting Styles and Emotional Intelligence*)

Anushiya Karunanethi^{1,2*}, Shahlan Surat¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Sekolah Kebangsaan AU Keramat, Kuala Lumpur

Date of Submission: 05-01-2026

Date of Acceptance: 16-01-2026

ABSTRAK: Perkembangan kecerdasan emosi remaja semakin mendapat perhatian kerana ia berperanan penting dalam kesejahteraan emosi, tingkah laku sosial dan prestasi akademik mereka. Namun begitu, ramai remaja masih sukar mengawal emosi, berkomunikasi dengan berkesan dan menyesuaikan diri dengan tekanan di sekolah. Situasi ini menimbulkan persoalan tentang faktor yang menyebabkan kelemahan dalam kecerdasan emosi remaja, khususnya pengaruh gaya keibubapaan dalam membentuk emosi anak sejak kecil. Kajian tentang hubungan antara gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi remaja masih terhad dan memerlukan lebih banyak penyelidikan. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada analisis sistematik terhadap literatur sedia ada berkaitan kedua-dua aspek tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen secara deskriptif berdasarkan tinjauan literatur yang dilaksanakan dengan teliti. Sebanyak 15 artikel telah dipilih memenuhi kriteria tertentu dalam tempoh tujuh tahun, dari 2019 hingga April 2025, dan diperolehi melalui pangkalan data *ResearchGate*, *MyCite* dan *Google Scholar*. Proses pemilihan artikel mengikuti carta alir *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA)*. Dapatan menunjukkan bahawa gaya keibubapaan autoritatif membantu membentuk kecerdasan emosi positif dalam kalangan remaja, manakala gaya keibubapaan permisif dan autoritarian cenderung menghalang perkembangannya. Oleh itu, ibu bapa disarankan untuk memahami dan mengamalkan pendekatan keibubapaan yang sesuai bagi membantu anak-anak membina kecerdasan emosi yang baik demi kejayaan masa depan mereka.

KATA KUNCI: Kajian literatur sistematik, *PRISMA*, gaya keibubapaan, kecerdasan emosi, remaja.

I. PENGENALAN

Perkembangan emosi adalah komponen penting dalam membina keperibadian yang seimbang dan menyeluruh. Pada zaman globalisasi hari ini, mempunyai dan mengekalkan emosi yang positif adalah penting untuk menangani pelbagai cabaran. Emosi adalah komponen penting dalam kehidupan setiap orang. Begitu juga, kecerdasan emosi adalah penting untuk menjalani kehidupan yang berjaya. Dalam konteks ini, kecerdasan emosi bermaksud keupayaan individu untuk mengenal pasti, memahami, mengawal serta menyampaikan emosi mereka dengan berkesan dalam kehidupan seharian (Goleman, 1995). Setiap individu memiliki kecerdasan emosi, namun tahapnya berbeza antara satu sama lain.

Remaja merupakan fasa peralihan kritikal daripada zaman kanak-kanak kepada alam dewasa yang dicirikan oleh perubahan pesat dari aspek biologi, psikologi dan sosial-emosi. Dalam tempoh ini, kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam menentukan kesejahteraan psikologi, keupayaan mengawal tekanan, pembentukan identiti diri serta keberkesanan hubungan sosial remaja (Yadav et al., 2021; Salsabila, 2024). Remaja yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi biasanya lebih berdisiplin, mudah bekerjasama dengan rakan-rakan dan mampu menyesuaikan diri dengan baik dalam persekitaran sekolah. Kajian menunjukkan bahawa remaja yang memiliki tahap kecerdasan emosi yang tinggi lebih mampu mengurus konflik, menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial serta menunjukkan kestabilan emosi yang lebih baik (Ambhore & Puri, 2019; Akinnawo et al., 2019). Sebaliknya, kelemahan dalam kecerdasan emosi sering dikaitkan dengan masalah tingkah laku, tekanan emosi dan kesukaran penyesuaian sosial dalam kalangan remaja. Menurut data Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM), jumlah remaja



yang terlibat dalam insiden buli di sekolah di Malaysia adalah dalam ribuan dan menunjukkan trend peningkatan dari tahun ke tahun, dengan 5,891 kes buli dilaporkan pada 2023 dan angka ini kekal tinggi dalam tempoh terkini walaupun usaha pemantauan diperkenalkan oleh pihak sekolah. Jadi, remaja perlu dididik tentang perkembangan kecerdasan emosi sejak usia awal bagi membentuk individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi. Perkembangan emosi yang positif lazimnya berkait rapat dengan cara ibu bapa mendidik dan mengasuh anak-anak mereka.

Pelbagai kajian membuktikan bahawa gaya keibubapaan merupakan faktor utama yang mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi remaja. Di Nigeria, gaya keibubapaan autoritatif dan autoritarian dikenal pasti sebagai peramal signifikan kepada kecerdasan emosi remaja, manakala gaya permisif menunjukkan kesan negatif (Akinawo et al., 2019). Dapatan ini disokong oleh kajian di Malaysia dan Indonesia yang turut melaporkan hubungan signifikan antara gaya keibubapaan dengan kecerdasan emosi remaja sekolah (Siti Nazurah et al., 2021; Loy & Faridah, 2021; Iska et al., 2022). Tambahan pula, kajian terkini oleh Salsabila (2024) mengesahkan bahawa remaja yang dibesarkan dalam persekitaran keibubapaan yang menyokong, konsisten dan penuh keprihatinan menunjukkan tahap empati, kesedaran sendiri dan regulasi emosi yang lebih tinggi berbanding remaja yang mengalami pengabaian. Dalam hal ini, gaya

hidup ibu bapa masa kini yang terlalu sibuk sering menghalang mereka daripada meluangkan masa bersama anak-anak. Tuntutan kerja yang panjang menyebabkan mereka kurang memberi perhatian kepada perkembangan sosio-emosi anak. Sebaliknya, kebanyakan ibu bapa lebih menumpukan perhatian kepada pemilihan sekolah dan pencapaian akademik anak-anak. Ramai dalam kalangan mereka tidak menyedari bahawa cara mereka mendidik anak sebenarnya memberi kesan besar terhadap perkembangan emosi, terutama apabila anak mula melalui fasa remaja. Oleh itu, cara ibu bapa membesarkan dan mendidik anak-anak mempunyai pengaruh langsung terhadap penguasaan kemahiran individu yang seterusnya mempengaruhi emosi serta tingkah laku anak. Kajian ini bertujuan untuk:

[1] Mengetahui corak hubungan antara gaya keibubapaan dan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan remaja sejak tahun 2019.

[2] Mengetahui jenis gaya keibubapaan yang paling dominan mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi remaja.

[3] Menilai kesan gaya keibubapaan autoritatif, autoritarian dan permisif terhadap aspek utama kecerdasan emosi remaja seperti kesedaran sendiri, pengurusan emosi, empati dan kemahiran sosial.

II. SOROTAN LITERATUR

[1] Gaya Keibubapaan

Gaya keibubapaan merujuk kepada corak pendekatan yang digunakan oleh ibu bapa dalam mendidik, membimbing dan mendisiplinkan anak-anak mereka (Akinawo et al., 2019; Salsabila, 2024). Pendekatan ini mempunyai pengaruh yang mendalam terhadap perkembangan sosial, emosi dan sahsiah kanak-kanak dan remaja (Baumrind, 1991). Antara teori paling berpengaruh dalam kajian keibubapaan ialah model yang diperkenalkan oleh Diana Baumrind yang mengelaskan gaya keibubapaan kepada tiga kategori utama iaitu autoritatif, autoritarian dan permisif. Model ini kemudian diperluaskan oleh Maccoby dan Martin (1983) yang menambah satu lagi kategori iaitu gaya pengabaian. Menurut Azizi Yahaya et al. (2012) menyatakan bahawa kesan didikan autokratik-demokratik dapat membentuk anak-anak yang lebih yakin, bebas dan tidak terlalu bergantung, mampu membuat keputusan dengan baik dan betul serta lebih bertanggungjawab.

Gaya keibubapaan autoritatif dicirikan oleh keseimbangan antara kawalan dan sokongan emosi, komunikasi dua hala dan penghargaan terhadap pandangan anak. Kajian mendapati bahawa gaya ini menghasilkan persekitaran emosi yang paling kondusif untuk perkembangan psikososial remaja (Ambhore & Puri, 2019). Manakala, gaya autoritarian menekankan kawalan yang ketat, disiplin tegas dan komunikasi sehalu yang sering dikaitkan dengan tahap kecerdasan emosi yang lebih rendah dan peningkatan tekanan emosi dalam kalangan remaja (Akinawo et al., 2019). Gaya permisif pula dicirikan oleh kurang kawalan dan struktur yang mengakibatkan kelemahan dalam pengawalan emosi dan pembentukan disiplin diri (Fitri & Rinaldi, 2024).

Kajian di Malaysia mendapati bahawa ketiga-tiga gaya keibubapaan diamalkan mempunyai pengaruh signifikan terhadap pembentukan emosi remaja (Siti Nazurah et al., 2021; Loy & Faridah, 2021). Kajian antarabangsa turut menunjukkan bahawa persekitaran keluarga yang menyokong,



konsisten dan penuh keprihatinan memainkan peranan utama dalam membentuk keseimbangan emosi remaja (James & Kadiravan, 2019; Fitri & Rinaldi, 2024). Kajian terkini menunjukkan bahawa persekitaran keibubapaan bukan sahaja mempengaruhi perkembangan emosi awal kanak-kanak tetapi kekal berpengaruh sepanjang fasa remaja (Iska et al., 2022). Jadi, gaya keibubapaan dianggap sebagai asas pembentukan kecerdasan emosi yang berpanjangan.

[2] Kecerdasan Emosi Remaja

Kecerdasan emosi ialah kemampuan individu mengenal pasti, memahami, mengawal serta menggunakan emosi secara berkesan dalam interaksi sosial dan mengurus diri. Seseorang yang dikatakan mempunyai kecerdasan emosi berupaya merasai ataupun menyedari emosinya, berupaya menggunakan emosinya dengan bijak, boleh memahami emosinya dan berupaya mengawal emosinya. Kebolehan ini membantu remaja menggunakan emosi dengan berfikir lebih kreatif dalam menyelesaikan masalah dan mengawal tingkah laku. Dalam konteks remaja, kecerdasan emosi merupakan komponen asas kepada kesejahteraan psikologi, pembentukan identiti, kestabilan emosi dan kemampuan penyesuaian sosial (Ambhore & Puri, 2019; Salsabila, 2024).

Pelbagai kajian menunjukkan bahawa remaja yang memiliki kecerdasan emosi yang tinggi mampu mengawal kemarahan, mengurus tekanan akademik dan sosial, menunjukkan empati serta membina hubungan interpersonal yang positif (Akinnowo et al., 2019; Iska et al., 2022). Kajian menunjukkan bahawa perkembangan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja sangat dipengaruhi oleh persekitaran awal kehidupan khususnya keluarga. Akinnowo et al. (2019) mendapati bahawa kecerdasan emosi bukanlah kemampuan yang terbentuk secara genetik, sebaliknya berkembang secara berperingkat dari kanak-kanak hingga remaja melalui pengalaman sosialisasi, pengasuhan dan interaksi emosi yang berterusan dalam keluarga. Salsabila (2024) turut menegaskan bahawa remaja yang menerima sokongan emosi yang konsisten menunjukkan tahap kesedaran sendiri, empati dan pengurusan emosi yang lebih baik berbanding remaja

yang mengalami pengabaian dalam persekitaran keluarga.

Kegagalan membentuk kecerdasan emosi dalam kalangan remaja menyebabkan peningkatan masalah tingkah laku, konflik interpersonal, tekanan emosi dan kesukaran akademik dalam kalangan remaja (Iska et al., 2022). Oleh itu, pembentukan kecerdasan emosi dianggap sebagai komponen yang sangat penting dalam usaha membentuk remaja yang seimbang dari aspek psikologi dan sosial.

[3] Hubungan Gaya Keibubapaan dan Kecerdasan Emosi Remaja

Dapatan kajian menunjukkan hubungan yang konsisten dan signifikan antara gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi remaja merentas konteks budaya dan lokasi kajian. Di Malaysia, kajian Siti Nazurah et al. (2021) melaporkan bahawa gaya autoritatif, autoritarian dan permisif mempunyai hubungan signifikan dengan kecerdasan emosi remaja awal berumur 12 hingga 15 tahun. Hal ini menunjukkan bahawa variasi pengasuhan yang dialami remaja berkait dengan variasi tahap kecerdasan emosi mereka. Kajian Loy dan Faridah (2021) mendapati gaya autoritatif dan autoritarian memberi pengaruh lebih kuat terhadap kecerdasan emosi berbanding gaya permisif. Dapatan ini menyatakan bahawa keluarga dan corak pengasuhan merupakan antara faktor utama yang berkait dengan pembentukan kecerdasan emosi remaja di Malaysia.

Kajian di luar negara turut menyatakan bahawa gaya autoritatif dan autoritarian merupakan peramal signifikan kepada kecerdasan emosi, manakala gaya permisif tidak signifikan sebagai peramal (Akinnowo et al., 2019). Kajian Fitri dan Rinaldi (2024) pula menyatakan bahawa gaya autoritatif memberi kesan positif paling besar terhadap kecerdasan emosi remaja, manakala gaya autoritarian dan permisif memberi kesan negatif. Dapatan kualitatif oleh Salsabila (2024) merumuskan bahawa remaja yang dibesarkan dalam persekitaran keibubapaan yang menyokong, konsisten dan penuh keprihatinan mempamerkan tahap empati, kesedaran sendiri dan pengurusan emosi yang lebih tinggi, manakala persekitaran keibubapaan yang tidak konsisten atau mengabaikan keperluan emosi remaja cenderung menghalang perkembangan kecerdasan emosi.


digunakan bagi tujuan pencarian serta penganalisan artikel. Pendekatan ini melibatkan kaedah tinjauan literatur dengan menetapkan kriteria tertentu bagi pemilihan instrumen semasa proses pencarian sumber. Selain itu, model ini turut memudahkan penyelidik menganalisis literatur yang telah dikenal

III. METODOLOGI

Sebagai panduan dalam pelaksanaan tinjauan sistematik ini, Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analysis (PRISMA) telah digunakan. Model PRISMA yang dibangunkan oleh Moher, Liberati, Tetzlaff dan Altman (2009)



pasti secara sistematik mengikut fasa yang ditetapkan (Savec & Mlinarec, 2021). PRISMA terdiri daripada empat peringkat utama, iaitu pengenalpastian (identification), saringan (screening), kelayakan (eligibility) dan termasuk (included). Lihat Rajah 1:



CARTA ALIR PRISMA DALAM PROSES PENCARIAN SAMPEL. SUMBER: MOHER ET AL. (2009)

[1] Pengenalpastian (Identification)

Bagi memudahkan proses kajian, langkah pertama yang perlu dilakukan ialah menetapkan skop kajian. Strategi pencarian secara elektronik perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya dalam satu pangkalan data utama bagi memudahkan proses penelusuran tajuk (Liberati et al., 2009). Menurut Xiao dan Watson (2019), penggunaan lebih daripada satu pangkalan data dapat membantu mengurangkan jurang dalam pencarian. Oleh itu, pencarian literatur yang menyeluruh dan sistematik perlu dilakukan melalui sumber serta pangkalan data yang berkaitan.

Kajian ini memberi tumpuan kepada dua tema utama, iaitu gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi. Proses pencarian literatur dijalankan menggunakan kata kunci utama dalam Bahasa Melayu seperti “gaya keibubapaan”, “kecerdasan emosi”, dan “remaja”, serta gabungan kata kunci dengan penggunaan tanda petikan. Bagi memperluas hasil pencarian, kata kunci dalam Bahasa Inggeris turut digunakan, antaranya “parenting style”,

“emotional intelligence”, dan “adolescents”. Pemilihan kata kunci yang sesuai amat penting bagi memastikan hasil pencarian relevan, memandangkan istilah yang sama kadang kala digunakan dalam bidang penyelidikan lain. Pencarian literatur dijalankan melalui pangkalan data elektronik seperti MyCite, ResearchGate dan Google Scholar yang dikenal pasti selaras dengan objektif kajian

[2] Saringan (Screening)

Penyelidik menetapkan tempoh kajian tertentu kerana tidak mungkin untuk meneliti semua artikel yang telah diterbitkan (Okoli, 2015). Oleh itu, pencarian artikel dihadkan antara tahun 2019 hingga Januari 2025, memandangkan tempoh ini menunjukkan peningkatan kajian berkaitan gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi. Kajian SLR yang dipilih meliputi aspek tahun penerbitan, latar belakang kajian, permasalahan, metodologi serta hasil kajian. Bahasa yang digunakan dalam analisis ini ialah Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Hasil carian awal mendapati sebanyak 4,888 bahan rujukan dikenal pasti sesuai untuk dianalisis dalam kajian SLR ini.

Daripada jumlah tersebut, lima artikel yang bertindih telah dikeluarkan. Artikel yang tidak memenuhi kriteria kemasukan turut disingkirkan semasa proses saringan. Setelah pembacaan menyeluruh dijalankan, sebanyak 3,615 artikel telah dikecualikan. Pemilihan artikel dibuat berdasarkan beberapa faktor, termasuk tahun penerbitan (2019 hingga April 2025), jenis penerbitan (artikel jurnal, prosiding persidangan, atau dokumen akademik), serta bahasa penulisan (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris). Jadual 1 memperincikan piawaian yang digunakan semasa proses pemilihan dan pengecualian artikel.

Kriteria	Kemasukan	Pengecualian
Tahun penerbitan	Antara tahun 2019 hingga 2025	≤ 2018
Jenis literatur	Artikel jurnal dan kertas persidangan	Selain daripada artikel jurnal, prosiding persidangan
Bahasa Pengantar	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	Selain daripada bahasa yang diterima

KRITERIA KEMASUKAN DAN PENGECCUALIAN



[3] Kelayakan (Eligibility)

Pada tahap ini, proses pemilihan manual dijalankan bagi memastikan artikel yang dipilih sesuai dan memenuhi kriteria kemasukan (Jadual 1). Penyelidik akan membaca keseluruhan artikel, termasuk tajuk dan abstraknya, untuk memastikan kesesuaian. Artikel yang tidak selaras dengan piawai atau tema kajian akan dikecualikan. Dalam peringkat ini, sebanyak 1,268 artikel telah dinilai dari segi kelayakan berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Hasilnya, 1,253 artikel didapati tidak memenuhi piawai kerana tidak mempunyai kaitan dengan gaya keibubapaan atau kecerdasan emosi.

[4] Termasuk (Included)

Fasa terakhir ialah fasa kemasukan. Pada tahap ini, penyelidik menentukan jumlah akhir artikel yang dijadikan sampel kajian dalam SLR. Secara keseluruhannya, sebanyak 15 artikel telah dipilih untuk dianalisis, melibatkan kajian berkaitan gaya keibubapaan dan perkembangan kecerdasan emosi.

[5] Senarai Kajian SLR

Sebanyak 15 artikel berkaitan gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi telah dikenal pasti melalui Kajian Sistematis Literatur (SLR). Bagi memastikan kesesuaian dengan objektif kajian, pemilihan bahan rujukan dihadkan kepada penggunaan kata kunci yang telah ditetapkan dalam artikel ini. Maklumat seperti nama penulis, tajuk artikel, nama jurnal, serta jenis pangkalan data turut disertakan bagi artikel jurnal dan prosiding persidangan yang diperoleh melalui proses SLR ini.

Bil.	Tahun	Penulis	Tajuk	Nama Jurnal	Pangkalan Data
1.	2024	Fadhila Fitri dan Rinaldi	Pengaruh Gaya Pengasuhan terhadap Kecerdasan Emosi Remaja di SMKN 1 Padang	International Journal of Trends in Global Psychological Science and Education	ResearchGate
2.	2024	Jihan Hasna Salsabila	The Influence of Parenting Patterns on Adolescents' Emotional Intelligence	Journal of Social Sciences and Cultural Studies	ResearchGate
3.	2024	Aimil Mardiah, Sahrun Nisa dan Ari Suriani	The Importance of Parenting Patterns in the Development of Emotional Intelligence in Elementary School Students (Nurses)	Indonesian Journal of Educational Science and Technology	ResearchGate
4.	2022	Pera Inka, Desmita, Silvianetri dan Sri putri Rahayu	The Relationship of Parenting with Emotional Intelligence	Journal of Psychology and Educational	Google Scholar
5.	2021	Ley Ai Hiang dan Faridah Mydin Kuty	Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Perkembangan Kecerdasan Emosi Murid Iban Di Sekolah Menengah	Jurnal Dunia Pendidikan	MyCite
6.	2021	Priyanka Yadav, Priyanka Shukla, Debasish Padhi dan Suprakash Chaudhury	A Correlational Study Between Perceived Parenting Style, Psychological Wellbeing, And Emotional Intelligence Among Adolescents	Industrial Psychiatry Journal	ResearchGate
7.	2021	Siti Nazurah, Norhamidah, Noorma & Jusiah	Hubungan Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Kecerdasan Emosi Remaja Awal	Southeast Asia Psychology Journal	ResearchGate
8.	2021	Laura-Elena Nastasa & Kinco Sala	Adolescents' Emotional Intelligence and Parental Styles	Procedia - Social and Behavioral	Google Scholar
9.	2021	Nisa, Fakhriyah, & Masfiah	Hubungan Pola Asuh Dengan Kecerdasan Emosional Anak Pada Usia 11-12 Tahun	Jurnal Educatio	ResearchGate
10.	2020	Lubis, Daulay, Ahmad, & Rahmadi	Upaya Orang Tua Mengembangkan Kecerdasan Emosional Anak Dalam Keluarga Muslim	Jurnal Pendidikan Islam	ResearchGate
11.	2019	Nurul Aini & Siti Marziah	Hubungan di antara Gaya Keibubapaan dan Kecerdasan Emosi dengan Masalah Tingkah Laku Kanak-Kanak	Jurnal Wacana Sarjana	Google Scholar
12.	2019	James Robert S & S. Kadhiravan	Influence Of Family Environment on Emotional Intelligence Among Youth	International Journal of Scientific & Technology Research	ResearchGate
13.	2019	Amardip Mohan Ambhore dan Dr. Parmeshwar Abhiman Puri	Role of Parenting Style in Development of Emotional Intelligence and Psychological Well-Being among Adolescent	The International Journal of Indian Psychology	ResearchGate
14.	2019	Gugliandolo, Mavroveli, Costa, Cuzzocrea & Larcán	The Relative Contribution of Parenting Practices in Predicting Trait Emotional Intelligence in An Italian Adolescent	British Journal of Developmental Psychology	ResearchGate
15.	2019	Akinmavo E. Oluope, Alkumbe Bede C. and Olajide Olufunmilayo A.	Parenting Style, Emotional Intelligence and Psychological Health of Nigerian Children	Asian Journal of Pediatric Research	ResearchGate

SENARAI KAJIAN SLR BERKAITAN GAYA KEIBUBAPAAN DAN KECERDASAN EMOSI

Bil.	Tajuk Kajian	Tujuan Kajian	Metodologi	Dapatan Kajian
1.	Pengaruh Gaya Pengasuhan terhadap Kecerdasan Emosi Remaja di SMKN 1 Padang (Fitri & Rinaldi, 2024)	Menilai kesan gaya keibubapaan terhadap kecerdasan emosi remaja di SMKN 1 Padang.	Kaedah: Kuantitatif Jenis: Pendekatan tinjauan Sampel: 208 orang pelajar (15-18 tahun) Instrumen: <ul style="list-style-type: none"> kecerdasan emosi : skala yang dibangunkan oleh Luluk Farikhah (2021) berdasarkan konsep Goleman (2006). Skala ini mengandungi 20 item gaya keibubapaan: Soal Selidik Kuasa Ibu Bapa (PAQ) yang dibangunkan oleh Buri (1991), berdasarkan teori Baumrind (1966). Skala ini mengandungi 30 item. 	Obj2: Autoritatif paling dominan (52%). Obj3: Autoritatif positif; authoritarian & permisif negatif



2.	The Influence of Parenting Patterns on Adolescents' Emotional Intelligence (Salsabila, 2024)	Menyiasat sejauh mana gaya keibubapaan yang berbeza mempengaruhi kecerdasan emosi remaja pertengahan umur.	Kaedah: Kualitatif Jenis: Deskriptif Sampel: Enam remaja pertengahan umur (13-15 tahun) Instrumen: Pemerhatian dan temu bual	Obj3: Pengasuhan menyokong kesedaran sendiri, empati, pengurusan emosi yang baik
3.	The Importance of Parenting Patterns in the Development of Emotional Intelligence in Elementary School Students (Mardiah et al., 2024)	Melihat sejauh mana tingkah laku ibu bapa yang baik menyumbang kepada perkembangan kecerdasan emosi anak-anak.	Kaedah: Kajian Sistematis dan Analisis Meta (PRISMA) Jenis: Meta-analisis Sampel: 10 artikel daripada jurnal kebangsaan Instrumen: Analisis artikel	Obj1: Gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi yang konsisten. Obj3: Demokratis/autoritatif paling menyokong kecerdasan emosi
4.	The Relationship of Parenting with Emotional Intelligence (Iska et al., 2022)	Menentukan hubungan antara gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi murid di SMP 4 Lintau Kec.Lintau Buo Utara, Kabupaten Tanah Datar.	Kaedah: Kuantitatif Jenis: Korelasi Sampel: 36 orang pelajar (13-14 tahun) Instrumen: <ul style="list-style-type: none"> kecerdasan emosi: skala yang dikemukakan oleh Daniel Goleman 	Obj1: Hubungan signifikan gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi
5.	Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Perkembangan Kecerdasan Emosi Murid Iban Di Sekolah Menengah (Loy & Faridah, 2021)	Mengkaji pengaruh gaya keibubapaan terhadap perkembangan kecerdasan emosi dalam kalangan murid Iban di sekolah menengah. Gaya keibubapaan yang dominan dalam kalangan ibu bapa murid Iban dan perbezaan gaya keibubapaan murid Iban di sekolah menengah mengikut jantina turut dikaji dalam kajian ini.	Kaedah: Kuantitatif Jenis: Tinjauan Sampel: 225 orang murid (14-16 tahun) Instrumen: <ul style="list-style-type: none"> Gaya keibubapaan: soal Selidik Ibu Bapa (PAQ) yang telah dibina oleh Buri (1991) ditambah dengan soalan yang dibina oleh Ofosu-Asiamah (2013) mengandungi 36 item. Kecerdasan emosi: soal selidik The Assessing Emotions Scale (AES) yang dibangunkan oleh Schutte et al. (1998). Bahagian ini mengandungi 33 item. 	Obj1: Hubungan signifikan antara gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi. Obj2: Autoritatif paling dominan
6.	A Correlational Study Between Perceived Parenting Style, Psychological	Mengkaji peranan kecerdasan emosi dan gaya keibubapaan dalam meramalkan kesejahteraan	Kaedah: Kuantitatif Jenis: Keratan rentas (cross-sectional) Sampel: 150 orang pelajar (15-18 tahun) Instrumen:	Obj1: Hubungan signifikan gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi



	Wellbeing, And Emotional Intelligence Among Adolescents (Yadav et al., 2021)	psikologi dalam kalangan remaja di senario India.	<ul style="list-style-type: none"> Gaya keibubapaan: soal selidik pihak berkuasa ibu bapa telah digunakan. Skala ini mengandungi 30 pernyataan. Kecerdasan emosi: soal selidik 30-item yang direka untuk mengukur kecerdasan emosi. Ia berdasarkan bentuk panjang sifat emosi soal selidik kecerdasan (TEIQue) 	Obj2: Autoritarian dominan dalam konteks sampel
7.	Hubungan Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Kecerdasan Emosi Remaja Awal (Siti Nazurah et al., 2021)	Mengenal pasti hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi remaja awal.	<p>Kaedah: Kuantitatif Jenis: Tinjauan Sampel: 108 orang remaja awal (12-15 tahun) Instrumen:</p> <ul style="list-style-type: none"> Gaya keibubapaan: menggunakan <i>Parental Authority Questionnaire</i> (PAQ) Kecerdasan emosi: menggunakan <i>The Assessing Emotions Scale</i> (AES). 	<p>Obj1: Semua gaya dan kecerdasan emosi signifikan.</p> <p>Obj3: Autoritatif & authoritarian lebih kuat</p>
8.	Adolescents' Emotional Intelligence and Parental Styles (Nastasa & Sala, 2021)	Mengenal pasti hubungan antara tahap perkembangan kecerdasan emosi dan gaya ibu bapa.	<p>Kaedah: Kuantitatif Jenis: Tinjauan Sampel: 90 orang remaja (16-17 tahun) & 46 ibu bapa Instrumen:</p> <ul style="list-style-type: none"> Kecerdasan emosi: Skala Kecerdasan Emosi - EIS (Schutte, et.al, 1998) dan Bateri Profil Kecerdasan Emosi – BTPIE (Wood, Tolley, 2003). Gaya keibubapaan: Soal selidik untuk mengetahui gaya ibu bapa – CSP, yang mengandungi 30 item. 	Obj1: Hubungan signifikan gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi
9.	Hubungan Pola Asuh Dengan Kecerdasan Emosional Anak Pada Usia 11-12 Tahun (Nisa et al., 2021)	Menganalisis hubungan antara gaya keibubapaan dengan kecerdasan emosi kanak-kanak berumur 11-12 tahun.	<p>Kaedah: Kuantitatif Jenis: Korelasi Sampel: 6 orang kanak-kanak (11-12 tahun) Instrumen:</p> <ul style="list-style-type: none"> Kecerdasan emosi: Soal selidik berstruktur oleh pengkaji. Gaya keibubapaan: Soal selidik diberikan kepada ibu bapa 	Obj1: Hubungan yang positif dan signifikan antara gaya keibubapaan dengan kecerdasan emosi
10.	Upaya Orang Tua Mengembangkan	Bertujuan untuk menangani usaha yang dilakukan oleh	<p>Kaedah: Kualitatif Jenis: Fenomenologi</p>	Obj3: Autoritatif meningkatkan empati



	Kecerdasan Emosional Anak Dalam Keluarga Muslim (Lubis et al., 2020)	ibu bapa dalam membangunkan kecerdasan emosi anak-anak mereka	Sampel: 5-10 keluarga muslim yang memiliki anak usia 7-13 tahun Instrumen: Temu bual, pemerhatian dan dokumentasi	
11.	Hubungan di antara Gaya Keibubapaan dan Kecerdasan Emosi dengan Masalah Tingkah Laku Kanak-Kanak (Aini & Marziah, 2019)	Mengenal pasti gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi yang menjadi peramal kepada masalah tingkah laku kanak-kanak	Kaedah: Kuantitatif Jenis: Tinjauan Sampel: 150 orang remaja (13-15 tahun) Instrumen: <ul style="list-style-type: none"> Gaya keibubapaan: menggunakan <i>Parental Authority Questionnaire</i> (PAQ) Kecerdasan emosi: menggunakan <i>The Assessing Emotions Scale</i> (AES). 	Obj1: Hubungan antara gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi Obj3: Autoritatif dan kecerdasan emosi mengurangkan masalah tingkah laku
12.	Influence Of Family Environment on Emotional Intelligence Among Youth (James & Kadhiraan, 2019)	Mengetahui pengaruh persekitaran keluarga terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan belia.	Kaedah: Kuantitatif Jenis: Tinjauan Sampel: 300 orang pelajar (13-17 tahun) Instrumen: <ul style="list-style-type: none"> Kecerdasan emosi: Emotional Quotient Inventory by Bar On (1997). Terdiri daripada 66 item. Persekitaran keluarga: The Family Environment scale by Bhatia and Chadha. Terdiri daripada 69 item. 	Obj1: Persekitaran keluarga mempengaruhi kecerdasan emosi Obj3: Sokongan keluarga meningkatkan pengurusan & kemahiran sosial
13.	Role of Parenting Style in Development of Emotional Intelligence and Psychological Well-Being among Adolescent (Ambhore & Puri, 2019)	Mengetahui peranan gaya keibubapaan dalam pembangunan kecerdasan emosi dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja.	Kaedah: Kuantitatif Jenis: Tinjauan Sampel: 80 orang pelajar & 80 orang ibu bapa Instrumen: <ul style="list-style-type: none"> Gaya keibubapaan: Parenting Style Four Factor Questionnaire (PS-FFQ) yang dibangunkan oleh SHYNY T.Y Skala akhir terdiri daripada 32 item. Kecerdasan emosi: Emotional Intelligence Test yang dibangunkan oleh Dr. Ekta Sharma pada tahun 2011. EIT terdiri daripada 60 item Kesejahteraan psikologi: Ryff's Psychological Well-Being Scales (PWB) yang dibangunkan oleh Carol Ryff skala ini terdiri daripada 42 item 	Obj1: Hubungan signifikan gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi. Obj2: Autoritatif paling dominan. Obj3: Autoritatif membentuk kecerdasan emosi & kesejahteraan lebih baik
14.	The Relative Contribution of	Mengkaji hubungan antara kecerdasan	Kaedah: Kuantitatif Jenis: Tinjauan	Obj1: Hubungan signifikan gaya



	Parenting Practices in Predicting Trait Emotional Intelligence in An Italian Adolescent (Mavroveli et al., 2019)	emosi (trait EI), sokongan dan amalan kawalan psikologi ibu bapa	Sampel: 300 orang remaja (11-13 tahun) Instrumen: <ul style="list-style-type: none">Pencapaian (APC) untuk kawalan psikologi ibu bapaBorang Soal Selidik Kecerdasan Emosi	keibubapaan dan kecerdasan emosi Obj2: Autoritarian dominan
15.	Parenting Style, Emotional Intelligence and Psychological Health of Nigerian Children (Akinnowo et al., 2019)	Pengaruh gaya keibubapaan terhadap kecerdasan emosi dan kesihatan psikologi kanak-kanak Nigeria	Kaedah: Kuantitatif Jenis: Tinjauan Sampel: 332 orang remaja (13-14 tahun) Instrumen: <ul style="list-style-type: none">Kecerdasan emosi: Wong dan Law Emotional Intelligence Scale (WLEIS)Gaya keibubapaan: Parenting Style Dimension Questionnaire (PSDQ)General Health Questionnaire -12 (GHQ-12).	Obj1: Gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi signifikan. Obj2: Autoritatif & authoritarian peramal utama kecerdasan emosi. Obj3: Autoritatif menyokong pengurusan emosi; permisif lemah

ANALISIS ISI KANDUNGAN ARTIKEL

IV. DAPATAN KAJIAN

[1] Corak hubungan antara gaya keibubapaan dan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan remaja sejak tahun 2019

Analisis terhadap 15 artikel yang terpilih menunjukkan corak hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan dan tahap kecerdasan emosi remaja. Namun, arah dan kekuatan hubungan berbeza mengikut konteks sampel dan budaya. Dalam konteks Malaysia, kajian Siti Nazurah et al. (2021) di Sabah mendapati ketiga-tiga gaya keibubapaan autoritarian, autoritatif dan permisif mempunyai hubungan signifikan dengan kecerdasan emosi remaja awal 12 hingga 15 tahun dengan nilai korelasi sederhana, misalnya autoritarian $r \approx .462$, autoritatif $r \approx .456$ dan permisif $r \approx .354$. Selain itu, kajian terhadap remaja Iban di Sarawak turut mengesahkan bahawa gaya keibubapaan merupakan faktor penting yang mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi remaja, gaya autoritatif, autoritarian dan permisif mempunyai hubungan signifikan terhadap perkembangan kecerdasan emosi dan pengaruh autoritatif serta autoritarian dilaporkan lebih kuat berbanding gaya lain (Loy & Faridah, 2021). Dapatan kajian ini sejajar dengan kajian luar negara yang menunjukkan bahawa gaya keibubapaan berkait

rapat dengan keupayaan remaja mengenal pasti, mengawal dan menguruskan emosi mereka secara berkesan (Akinnowo et al., 2019; Yadav et al., 2021).

Hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini didapati signifikan, namun kekuatan dan hubungan berbeza mengikut konteks sampel dan budaya. Hal ini dapat dibuktikan dengan kajian Yadav et al. (2021) melaporkan bahawa gaya autoritarian menunjukkan korelasi lebih tinggi dengan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja India dan kajian Fitri & Rinaldi (2024) mendapati gaya autoritatif memberi kesan positif paling besar terhadap kecerdasan emosi remaja Indonesia, manakala gaya autoritarian dan permisif menunjukkan kesan negatif. Kajian di Nigeria pula, melaporkan bahawa kedua-dua gaya autoritatif dan autoritarian merupakan peramal signifikan kepada kecerdasan emosi, sementara gaya permisif tidak menunjukkan pengaruh yang signifikan dalam model regresi mereka. Variasi ini menunjukkan bahawa hubungan gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi remaja tidak bersifat seragam dan sangat dipengaruhi oleh latar budaya, nilai kekeluargaan serta pendekatan pengukuran yang digunakan dalam kajian (Akinnowo et al., 2019).

Secara keseluruhannya, dapatan daripada 15 artikel menunjukkan satu pola utama iaitu gaya keibubapaan berfungsi sebagai peramal penting



kepada tahap kecerdasan emosi remaja, walaupun kekuatan dan arah pengaruhnya berbeza-beza. Namun, hampir semua kajian sependapat bahawa persekitaran keluarga yang melibatkan pengawasan, sokongan emosi dan komunikasi yang berkesan mewujudkan asas yang kukuh bagi perkembangan kecerdasan emosi remaja (James & Kadiravan, 2019; Salsabila, 2024). Jadi, corak hubungan yang dikenal pasti dalam SLR ini menyatakan bahawa kualiti gaya keibubapaan memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk kestabilan emosi, kecekapan sosial dan kesejahteraan psikologi remaja.

[2] Jenis gaya keibubapaan yang paling dominan mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi remaja

Analisis terhadap 15 artikel menunjukkan bahawa gaya keibubapaan autoritatif merupakan gaya yang paling dominan dan konsisten mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi remaja. Kebanyakan kajian kuantitatif dan kualitatif melaporkan bahawa remaja yang dibesarkan dalam persekitaran autoritatif menunjukkan tahap kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding remaja yang dibesarkan dengan gaya pengasuhan lain. Contohnya, kajian Fitri & Rinaldi (2024) melaporkan bahawa gaya autoritatif menyumbang kesan positif yang paling besar terhadap kecerdasan emosi remaja sekolah menengah di Indonesia, manakala kajian Ambhore & Puri (2019) mendapati bahawa autoritatif merupakan gaya yang paling efektif dalam menyokong kecerdasan emosi serta kesejahteraan psikologi remaja. Dapatan ini diperkukuh oleh kajian di Malaysia yang menunjukkan bahawa gaya autoritatif mempunyai hubungan signifikan yang lebih kuat dengan kecerdasan emosi remaja berbanding gaya permisif (Loy & Faridah, 2021; Siti Nazurah et al., 2021).

Sintesis dapatan juga menunjukkan bahawa gaya autoritarian turut muncul sebagai gaya yang signifikan mempengaruhi kecerdasan emosi remaja dalam konteks tertentu. Kajian Yadav et al. (2021) mendapati bahawa autoritarian menunjukkan korelasi yang lebih tinggi dengan kecerdasan emosi berbanding autoritatif dalam kalangan remaja India, manakala kajian Akinnawo et al. (2019) melaporkan bahawa kedua-dua gaya autoritatif dan autoritarian merupakan peramal signifikan kepada kecerdasan emosi remaja Nigeria. Dapatan ini menunjukkan bahawa dominasi gaya keibubapaan tidak bersifat universal, sebaliknya bergantung kepada latar budaya, nilai kekeluargaan serta disiplin dan kawalan dalam konteks sosial yang berbeza.

Gaya permisif secara konsisten dikenal pasti

sebagai gaya yang paling lemah dalam mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi remaja. Beberapa kajian melaporkan bahawa gaya permisif menunjukkan hubungan yang lebih rendah, tidak signifikan atau kesan negatif terhadap kecerdasan emosi remaja (Akinnawo et al., 2019; Fitri & Rinaldi, 2024). Ketiadaan struktur, kawalan dan bimbingan emosi yang mencukupi dalam gaya permisif didapati menghalang pembentukan kemahiran mengurus emosi dan kematangan sosial remaja, serta melemahkan perkembangan kecerdasan emosi mereka (Salsabila, 2024). Oleh itu, dapatan keseluruhan SLR ini mengukuhkan bahawa gaya autoritatif merupakan gaya keibubapaan yang paling dominan dan berkesan dalam menyokong perkembangan kecerdasan emosi remaja, walaupun peranan gaya autoritarian masih signifikan dalam konteks tertentu.

[3] Kesan gaya keibubapaan autoritatif, autoritarian dan permisif terhadap aspek utama kecerdasan emosi remaja seperti kesedaran sendiri, pengurusan emosi, empati dan kemahiran sosial

Hasil analisis menunjukkan bahawa gaya keibubapaan autoritatif memberi kesan yang paling positif dan menyeluruh terhadap aspek utama kecerdasan emosi remaja, khususnya dari segi kesedaran sendiri, pengurusan emosi, empati dan kemahiran sosial. Kajian Fitri & Rinaldi (2024) mendapati bahawa gaya autoritatif mempunyai pengaruh positif yang paling besar terhadap kecerdasan emosi remaja yang merangkumi peningkatan keupayaan mengenal emosi diri, kawalan impuls serta pembentukan hubungan sosial yang lebih stabil. Dapatan ini disokong oleh kajian di Malaysia yang melaporkan bahawa remaja yang mengalami gaya autoritatif menunjukkan tahap kecerdasan emosi yang lebih tinggi, khususnya dalam komponen pengawalan emosi dan kecekapan sosial (Loy & Faridah, 2021; Siti Nazurah et al., 2021). Kajian kualitatif oleh Salsabila (2024) turut menjelaskan bahawa sokongan emosi dan komunikasi terbuka dalam keluarga membantu remaja membina kesedaran sendiri yang lebih kukuh serta keupayaan empati yang lebih tinggi.

Gaya keibubapaan autoritarian pula menunjukkan kesan yang lebih kompleks dan tidak seragam terhadap aspek kecerdasan emosi remaja. Dalam beberapa kajian, gaya autoritarian dilaporkan mempunyai hubungan signifikan dengan kecerdasan emosi (Siti Nazurah et al., 2021; Yadav et al., 2021), namun kesannya terhadap komponen tertentu seperti pengurusan emosi dan kemahiran sosial adalah bercampur. Kajian Fitri & Rinaldi (2024) melaporkan bahawa autoritarian memberi kesan negatif terhadap



kecerdasan emosi remaja, utamanya dalam aspek pengurusan emosi dan hubungan interpersonal. Walau bagaimanapun, kajian di India menunjukkan bahawa disiplin yang tegas dalam gaya autoritarian mungkin menyumbang kepada pembentukan struktur emosi tertentu, sekali gus meningkatkan beberapa dimensi kecerdasan emosi dalam konteks budaya yang menekankan kepatuhan dan kawalan diri (Yadav et al., 2021). Perbezaan dapatan ini menandakan bahawa kesan autoritarian terhadap aspek kecerdasan emosi sangat dipengaruhi oleh norma budaya dan tafsiran disiplin dalam masyarakat setempat.

Sementara itu, gaya keibubapaan permisif secara konsisten menunjukkan kesan yang paling lemah dan negatif terhadap perkembangan aspek kecerdasan emosi remaja. Kajian Akinnawo et al. (2019) mendapati bahawa gaya permisif tidak menjadi peramal signifikan kepada kecerdasan emosi remaja, manakala kajian Fitri & Rinaldi (2024) melaporkan bahawa gaya permisif memberi kesan negatif terhadap kecerdasan emosi, khususnya dalam aspek pengurusan emosi dan kemahiran sosial. Kekurangan struktur, pemantauan dan bimbingan emosi dalam gaya permisif menghalang pembentukan disiplin sendiri, empati dan kemahiran interaksi sosial yang stabil dalam kalangan remaja (Salsabila, 2024). Oleh itu, dapatan keseluruhan menunjukkan bahawa gaya autoritatif paling efektif dalam menyokong pembangunan menyeluruh kecerdasan emosi remaja, manakala gaya permisif paling berisiko, dan gaya autoritarian memberikan kesan yang bergantung kepada konteks budaya dan pendekatan disiplin yang diamalkan.

V. PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, dapatan SLR ini menegaskan bahawa gaya keibubapaan merupakan faktor utama yang mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi remaja merentas pelbagai konteks budaya dan demografi. Majoriti kajian menunjukkan hubungan signifikan antara gaya keibubapaan dan tahap kecerdasan emosi remaja, walaupun kekuatan dan arah hubungan berbeza mengikut konteks sosial dan budaya (Siti Nazurah et al., 2021; Loy & Faridah, 2021; Akinnawo et al., 2019). Pelbagai dapatan ini menyokong pandangan bahawa perkembangan emosi remaja bukan sahaja dipengaruhi oleh gaya keibubapaan secara langsung, tetapi turut dimediasi oleh faktor persekitaran seperti nilai kekeluargaan, struktur sosial, norma budaya dan pengalaman pembelajaran emosi yang berterusan dalam keluarga (James & Kadiravan, 2019; Salsabila, 2024).

Seterusnya, gaya keibubapaan autoritatif dijadikan sebagai gaya yang dominan serta

pendekatan paling berkesan dalam menyokong pembangunan kecerdasan emosi remaja. Remaja yang dibesarkan dalam persekitaran autoritatif memperlihatkan kelebihan dalam aspek kesedaran sendiri, pengurusan emosi, empati dan kemahiran sosial, sekali gus meningkatkan kesejahteraan psikologi dan kestabilan hubungan interpersonal mereka (Ambhore & Puri, 2019; Fitri & Rinaldi, 2024; Salsabila, 2024). Walaupun gaya autoritarian turut menunjukkan hubungan signifikan dengan kecerdasan emosi dalam beberapa kajian (Yadav et al., 2021; Akinnawo et al., 2019), kesannya lebih bersifat kontekstual, manakala gaya permisif dikenal pasti sebagai gaya paling berisiko kerana dikaitkan dengan kelemahan pengawalan emosi dan kemahiran sosial remaja (Fitri & Rinaldi, 2024; Salsabila, 2024).

Implikasi utama daripada dapatan ini menegaskan bahawa intervensi pembangunan remaja tidak boleh terpisah daripada penguatkuasaan kompetensi gaya keibubapaan, khususnya dalam mempromosikan amalan autoritatif yang menekankan sokongan emosi, komunikasi terbuka dan disiplin yang konsisten. Pendidikan gaya keibubapaan yang sistematik berpotensi meningkatkan kecerdasan emosi remaja dan seterusnya mengurangkan risiko masalah tingkah laku, konflik sosial serta tekanan psikologi yang sering dikaitkan dengan kelemahan pengurusan emosi remaja (Iska et al., 2022; James & Kadiravan, 2019). Oleh itu, hasil SLR ini bukan sahaja memperkukuh asas teori mengenai hubungan gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi, malah menyediakan panduan praktikal kepada ibu bapa, pendidik dan pembuat dasar dalam usaha membentuk generasi remaja yang lebih seimbang dari aspek emosi dan sosial.

VI. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian SLR hubungan gaya keibubapaan dan tahap kecerdasan emosi remaja telah memberi banyak maklumat bermanfaat dan berkesan. Gaya keibubapaan memainkan peranan penting dalam perkembangan kecerdasan emosi remaja. Ibu bapa yang positif dan menyokong boleh membantu remaja mempelajari kemahiran sosial, mengurus emosi dan berinteraksi dengan baik dalam kehidupan seharian. Hal ini dapat meningkatkan pencapaian akademik remaja dan kualiti hidup mereka. Oleh itu, adalah penting bagi ibu bapa untuk menyedari peranan mereka dalam mendidik anak-anak mereka dan terlibat secara aktif dalam mewujudkan gaya keibubapaan yang menyokong perkembangan kecerdasan emosi anak-anak mereka.



REFERENCES

- [1]. Akinnowo et al. (2019). Parenting Style, Emotional Intelligence and Psychological Health of Nigerian Children. *Asian Journal of Pediatric Research*, 2(2), 1-11.
- [2]. Ambhore & Puri. (2019). Role of Parenting Style in Development of Emotional Intelligence and Psychological Well-Being among Adolescent. *The International Journal of Indian Psychology*, 7(2), 85-91.
- [3]. Baumrind, D. (1991). The Influence of Parenting Style on Adolescent Competence and Substance Use. *Journal of Early Adolescence*, 11(1), 56-95.
- [4]. Fitri & Rinaldi. (2024). Pengaruh Gaya Pengasuhan terhadap Kecerdasan Emosional Remaja di SMKN 1 Padang. *International Journal of Trends in Global Psychological Science and Education*, 1(4), 15-22.
- [5]. Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*. Bantam Books.
- [6]. Iska et al. (2022). The Relationship of Parenting with Emotional Intelligence. *Journal of Psychology and Educational*, 1(1), 8-15.
- [7]. James & Kadhiravan. (2019). Influence of Family Environment on Emotional Intelligence Among Youth. *International Journal of Scientific & Technology Research*, 8(11), 3664-3670.
- [8]. Loy & Faridah. (2021). Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Perkembangan Kecerdasan Emosi Murid Iban Di Sekolah Menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 183-192.
- [9]. Lubis et al. (2020). Upaya Orang Tua Mengembangkan Kecerdasan Emosional Anak Dalam Keluarga Muslim di Perkampungan Kodam I/Bb Medan Sunggal. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(2), 573-582
- [10]. Mardiah et al. (2024). The Importance of Parenting Patterns in the Development of Emotional Intelligence in Elementary School Students. *Indonesian Journal of Educational Science and Technology (Nurture)*, 3(2), 121-134.
- [11]. Mavroveli, S. et al. (2007). Trait Emotional Intelligence, Psychological Well-Being and Peer-Rated Social Competence in Adolescence. *British Journal of Developmental Psychology*, 25(2), 263-275.
- [12]. Nisa et al. (2021). Hubungan Pola Asuh Dengan Kecerdasan Emosional Anak Pada Usia 11-12 Tahun. *Jurnal Educatio*, 7(1), 55-63.
- [13]. Salsabila. (2024). The Influence of Parenting Patterns on Adolescents' Emotional Intelligence. *Journal of Social Sciences and Cultural Studies*, 1(3), 154-158.
- [14]. Savec, V. F., & Mlinarec, K. (2021). Experimental Work in Science Education from Green Chemistry Perspectives: A Systematic Literature Review Using Prisma. *Sustainability (Switzerland)*, 13(23).
- [15]. Siti Nazurah et al. (2021). Hubungan Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Kecerdasan Emosi Remaja Awal. *Southeast Asia Psychology Journal*, 9(2), 124-138.
- [16]. Xiao, Y., & Watson, M. (2019). Guidance on conducting a systematic literature review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1), 93-112.
- [17]. Yadav et al. (2021). A Correlational Study Between Perceived Parenting Style, Psychological Wellbeing and Emotional Intelligence Among Adolescents. *Industrial Psychiatry Journal*, 30(1), 108-114.